

RON97 naik 4 sen, RON95, diesel kekal

KUALA LUMPUR – Harga runcit RON97 naik sebanyak empat sen kepada RM2.57 seliter, manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal pada RM2.08 dan RM2.18 seliter mulai hari ini.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan semalam menyatakan, pengekalan kedua-dua harga runcit RON95 dan diesel bagi tempoh 13 hingga 19 Julai itu selaras dengan keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit petroleum selain mengurangkan kos sara hidup rakyat.

“Penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan adalah menggunakan *Automatic Pricing Mechanism* (APM). Harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama sepatutnya adalah sebanyak RM2.27 seliter dan RM2.29 seliter.

Menurut kenyataan itu, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan dalam tempoh seminggu tersebut adalah sebanyak RM114.06 juta.
– Bernama

